

# Tahap sivik rakyat

## Orang ramai cari salah kerajaan kerar

B.H. M/S 11 28.2.07

Oleh Dr Mohamad Khir Toyo

**D**I ANTARA mewujudkan kerajaan prihatin dan masyarakat penyayang, mana satu lebih penting. Jawabannya sudah tentu kewujudan kedua-duanya sekali gus kerana ia saling lengkap melengkapi. Hakikatnya sesebuah kerajaan penyayang tanpa diperkukuhkan masyarakat bersifat penyayang, tidak mampu menjaga kebajikan rakyat. Begitu juga sebuah masyarakat penyayang tanpa diperkasa sebuah kerajaan penyayang akan gagal memanfaatkan rakyat secara berkesan.

Namun, hari ini ada budaya tidak sihat menular ke dalam negara kita iaitu menyerahkan segala-galanya kepada kerajaan. Manifestasi budaya ini boleh dilihat daripada sikap kita ketika berhadapan kejadian atau peristiwa yang menguji sikap sivik dan sistem nilai sebagai warganegara dan manusia.

Misalnya, apabila berlaku kemalangan jalan raya walaupun ramai memperlakan kenderaan atau berhenti untuk melihat kejadian sehingga biasanya menyebabkan kesesakan jalan raya, amat sedikit yang mengambil inisiatif untuk menelefon ambulans kerana kebanyakannya akan berharap kepada orang lain berbuat demikian manakala terlalu kurang sanggup menggunakan kenderaan sendiri untuk membawa mangsa yang cedera ke hospital kerana takut kereta kotor dengan darah.

Jika berhadapan dengan soal nyawa manusia sekalipun, kita tidak tersentuh dan berasa prihatin, maka kita perlu bertanya bukan saja kepada persoalan sejauh mana tahap sifat penyayang sebagai seorang individu, tetapi yang lebih utama tahap sivik dan sistem nilai kita sebagai sebuah masyarakat.

Begitu juga kita berasa amat marah dengan kejadian jenayah tetapi kenapa amat sedikit bersikap proaktif bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi membolehkan penjenayah diberkas atau mempunyai kesanggupan untuk ke hadapan menjadi saksi ketika proses percabaran di mahkamah.

Kita berang apabila kejadian pencemaran alam sekitar menghakis keselesaan dan kualiti hidup, tetapi kenapa kita sebagai *stakeholder* tidak segan silu membuang sampah merata-rata, mencemarkan sungai atau menjadikan tanah persendirian sebagai tempat pembuangan sisa pepejal.

### INTI PATI

#### Usaha tingkat kesejahteraan

- Kerajaan hanya menyediakan kemudahan, tetapi tugas rakyat sendiri membangunkan kehidupan mereka
- Kerajaan boleh memastikan suasana persekitaran yang kondusif untuk membesarkan anak. Tugas ketua keluarga ialah menyediakan keperluan untuk masa depan anak
- Pemerintah menjalankan program dan mengambil inisiatif mengurangkan jurang perbezaan pendapatan penduduk di bandar dan di desa serta antara kaum
- Selangor juga komited memberikan harapan serta peralatan secukupnya bagi setiap individu dan setiap keluarga mengoptimalkan potensi mereka
- Gejala sosial tugas bersama kerana ibu bapa sebagai ketua keluarga perlu berperanan lebih untuk kesejahteraan
- Pendidikan adalah pelaburan utama. Jangan harapkan bantuan kerajaan semata-mata. Begitu juga isu sosial dan pencemaran alam tugas bersama

Sebagai pembeli rumah, kita sakit hati dengan projek terbengkalai tetapi pernahkah kita mengambil inisiatif melaksanakan *due diligence* dan mengambil berat mengenai *duty to care* terhadap rekod dan reputasi pemaju yang mana rumahnya ingin kita beli sebelum menyalahkan pihak lain. Kita marah dengan projek di tanah tinggi tetapi kenapa projek sebegini memperoleh sambutan begitu menggalakkan.

Hari ini apabila berlaku masalah dengan rumah yang kita beli, pihak pertama yang akan disalahkan selain pemaju adalah kerajaan tempatan kerana mereka mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CF) tetapi bagaimana keadaan apabila CF yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini digantikan oleh Sijil Siap dan Pamatuhan (CCC) yang disahkan golongan profesional, apakah ketika itu jika berlaku sesuatu, kerajaan juga dipersalahkan.

# t masih rendah na tiada perasaan tanggungjawab

Kita seronok mendapat pinjaman pelajaran daripada kerajaan dan badan berkanun sehingga ibu bapa tidak melihat kepentingan untuk menabung bagi pendidikan anak. Namun, kita mencari pelbagai jalan dan alasan untuk mengabsahkan agar kita tidak perlu membayar pinjaman pelajaran walaupun menyedari ia bakal menyebabkan kesukaran kepada pelajar baru.

Begitu juga apabila berlaku kejahatan sosial membabitkan belia dan remaja seperti seks luar nikah, gejala mat rempit, penagihan najis dadah, keciciran sekolah dan jenayah, maka kita meletakkan kesalahan di bahu kerajaan, seolah-olah hari ini kerajaan diharapkan menggantikan institusi ibu bapa, keluarga, kejiranan malahan masyarakat sendiri.

Budaya ini tidak sesuai menjadi budaya sebuah masyarakat maju. Budaya yang sepatutnya dipupuk adalah budaya tanggungjawab individu berteraskan institusi keluarga dan kejiranan yang kukuh, asas kepada budaya baru yang perlu diterapkan ini berlandaskan hakikat bahawa individu perlu bertanggungjawab di atas sebarang keputusan yang diambil. Mereka harus menyedari bahawa setiap perbuatan ada kesannya, individu tidak boleh berseronok kemudian melepaskan tanggungjawabnya kepada kerajaan menanggungnya.

Harus diingat, bukan kecekapan teras kerajaan membesarkan anak, untuk memastikan mereka tidak terbabit dengan jenayah, kejahatan sosial, gejala penagihan dadah, mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan atau berjaya dalam hidup. Tugas dan tanggungjawab itu terletak di bahu ibu bapa, keluarga, anak dan masyarakat setempat itu sendiri. Kerajaan hanya boleh memastikan suasana persekitaran yang kondusif untuk membesarkan anak serta mewujudkan suasana mesra.

Untuk mewujudkan suasana kondusif bagi setiap individu dan keluarga, kerajaan negeri menjalankan program dan mengambil inisiatif mengurangkan jurang perbezaan pendapatan penduduk di bandar dan di desa serta antara kaum. Matlamat ini dilakukan dengan memperkukuhkan sumber pendapatan sedia ada dan pada masa sama membantu mencari sumber baru.

Hari ini, hampir dua pertiga daripada rakyat Malaysia tinggal di bandar manakala di Selangor pula melebihi 90 peratus. Hakikat ini menyebabkan kerajaan negeri tidak boleh menumpukan hanya kepada

masyarakat bandar sehingga meminggirkan masyarakat kampung. Jika ini kita lakukan, maka akan wujud sindrom *rural slum* atau *urban slum* apabila jenayah dan kejahatan sosial berleluasa.

Kerajaan negeri komited untuk memberikan harapan serta peralatan secukupnya bagi setiap individu dan setiap keluarga di Selangor mengoptimumkan potensi mereka sama ada mereka tinggal di bandar atau luar bandar atau dari kaum mana mereka datang.

Ke arah merealisasikan hasrat ini, kerajaan negeri komited membanteras kemiskinan dan kita berjaya mengurangkan kemiskinan relatif di bawah paras satu peratus manakala kemiskinan tegar berjaya dikurangkan kepada hanya 0.02 peratus. Tidak berpuas hati dengan pencapaian yang ada, kita mengadakan satu pelan komprehensif bagi menghapuskan kemiskinan iaitu melalui 'Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor'.

Kalau pepatah Cina menyatakan untuk membantu golongan miskin, kita perlu memberi pancing bukannya memberi ikan semata-mata pelan komprehensif, kita bukan saja memberi pancing tetapi mengajar bagaimana mengadakan kolam ikan agar golongan miskin dan termiskin bebas daripada status mereka tidak akan lagi terjebak dalam kitaran kemiskinan.

Melalui pelan ini ditambah inisiatif kerajaan prihatin serta pengagihan berkesan wang zakat berjumlah lebih RM50 juta setahun, kita yakin, menjelang tamatnya Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 2010 atau lebih awal daripada itu, kes kemiskinan tegar akan menjadi sejarah di Selangor.

Hari ini Selangor bersikap proaktif dengan turun ke peringkat akar umbi untuk mencari mereka yang berada dalam kategori miskin dan termiskin bukannya menunggu untuk mereka datang menagih bantuan.

Bagi mewujudkan sebuah negara penyang dan dirahmati Allah SWT, dikurniakan rezeki melimpah dan bermaruah, kita memerlukan bukan saja kerajaan penyang, tetapi lebih penting individu penyang yang membentuk masyarakat penyang. Hanya dengan sinergi sifat penyang yang akan melahirkan bangsa besar dan berjaya.

**Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo ialah Menteri Besar Selangor**